

# Pendekatan Hermeneutik dalam Mentafsir Pengalaman: Aplikasi Interpretative Phenomenological Analysis (IPA) dalam Kaedah Temubual

## *A Hermeneutic Approach to Interpreting Experience: Applying Interpretative Phenomenological Analysis (IPA) in Interview Method*

\***Mohd Shahrul Hisham Ahmad Tarmizi<sup>1</sup>, Sharmiza Abu Hassan<sup>2</sup>, Ishak Ramli<sup>3</sup>,  
Mohammed Iqbal Badaruddin<sup>4</sup>, Mat Redhuan Samsudin<sup>5</sup>**

<sup>1,4,5</sup> *Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,  
Kampus Machang, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia*

<sup>2</sup> *Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka,  
Kampus Alor Gajah, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia*

<sup>3</sup> *Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia*

\*shahrul313@uitm.edu.my<sup>1</sup>, sharmiza129@uitm.edu.my<sup>2</sup>, ishak991@uitm.edu.my<sup>3</sup>,  
iqbal688@uitm.edu.my<sup>4</sup>, redhuansamsudin@uitm.edu.my<sup>5</sup>

\*Corresponding author

Received: 9 January 2025; Accepted: 31 August 2025; Published: 1 September 2025

## ABSTRAK

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan hermeneutik sebagai kaedah tafsiran utama dalam Analisis Fenomenologi Interpretatif (Interpretative Phenomenological analysis- IPA), dengan memfokuskan kepada pengalaman (*lived experience*) lima orang peserta yang terlibat dalam amalan seni kontemporari di Malaysia dan Indonesia. Berasaskan hermeneutik fenomenalogi dari Martin Heidegger dan konsep lingkaran hermeneutik, penyelidikan ini menekankan proses reflektif antara bahagian (*part*) dan keseluruhan (*whole*), dalam memahami pengalaman peserta. Data yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur, disokong oleh pemerhatian peserta terhadap karya seni yang dipamerkan sebagai subjek kajian. Lima orang peserta iaitu empat lelaki dan seorang wanita telah dipilih berdasarkan penglibatan aktif dan pengalaman luas dalam bidang seni kontemporari. Kajian ini mengemukakan dapatan dari transkrip temu bual, yang dianalisa menggunakan pendekatan IPA. Dapatan kajian kemudiannya disokong dengan nota penerokaan (*exploratory notes*), dengan menggunakan perisian NVivo. Pernyataan pengalaman peserta disusun menjadi Tema Pengalaman Peribadi (*personal Experiential Themes- PETS*), yang kemudiannya dikelompokkan dalam Tema Pengalaman Berkumpulan (*Group Experiential Themes- GETS*), membolehkan pengkaji mengenal pasti pola emosi dan pemikiran yang ditafsir dengan pengalaman peserta dan pengkaji secara interpretatif. Tema-tema ini ditafsirkan secara hermeneutik, di mana pengkaji terlibat secara langsung dalam proses fenomenologikal tersebut. Selain itu juga, kajian ini menonjolkan sifat dua hala dalam hermeneutik IPA, iaitu kedua-dua peserta dan pengkaji sama-sama terlibat dalam membentuk makna dalam dapatan analisa. Keseluruhannya, kaedah temu bual terbukti berkesan dalam menjana naratif yang kaya dan mendalam, mengukuhkan nilai IPA dalam penyelidikan kualitatif.

**Kata Kunci:** Analisis Fenomenologi Interpretatif, IPA, hermeneutik, temu ramah.

## ABSTRACT

This research employs a hermeneutic approach as the primary method of interpretation in Interpretative Phenomenological Analysis (IPA), focusing on the lived experiences of five participants involved in contemporary art practices in Malaysia and Indonesia. Based on Martin Heidegger's hermeneutic phenomenology and the concept of the hermeneutic circle, the study emphasizes a reflective process between the parts and the whole in understanding the participants' experiences. Data were collected through semi-structured interviews, supported by participants' observations of the exhibited artworks used as the study's subject matter. Five participants- four men and one woman were selected based on their active involvement and extensive experience in the field of contemporary art. The findings were drawn from interview transcripts analysed using the IPA approach. These findings were then supported by exploratory notes using NVivo software. The participants' experiential statements were organized into Personal Experiential Themes (PETS), which were later grouped into Group Experiential Themes (GETS), enabling the researcher to identify patterns of emotion and thought, interpreted through both the participants' and the researcher's lived experience. These themes were interpreted hermeneutically, with the researcher directly engaging in the phenomenological process. Furthermore, the study highlights the dialogical nature of hermeneutic IPA, where both the participant and the researcher are actively involved in co-constructing meaning from the analysis. Overall, the interview method proved effective in generating rich and in-depth narratives, reinforcing the value of IPA in qualitative research.

**Keywords:** Interpretative Phenomenological Analysis, IPA, hermeneutic, interview.



ISSN: 2550-214X © 2025. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-No Commercial-No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1 PENGENALAN

Hermeneutik merupakan kaedah tafsiran utama dalam penyelidikan fenomenologi, terutamanya dalam psikologi kualitatif. Istilah ini berasal daripada bahasa Yunani *hermeneuein* yang bermaksud 'mentafsir', dan menekankan pemahaman terhadap pengalaman manusia secara mendalam. Heidegger mengasaskan pendekatan ini dengan memperkenalkan konsep lingkaran hermeneutik, iaitu proses berulang antara keseluruhan dan bahagian dalam membina pemahaman kewujudan manusia. Pendekatan ini membolehkan interpretasi yang terbuka dan reflektif, serta menyumbang kepada pemahaman yang bersifat intuitif dan artistik (Fuster, 2019; van Manen, 2016; Käufer & Chemero, 2021).

Dalam kajian ini, hermeneutik diaplikasikan melalui kaedah temu bual dan pemerhatian terhadap karya seni, yang seterusnya dianalisis menggunakan pendekatan *Interpretative Phenomenological Analysis* (IPA) (Cann, 2015; Pietkiewicz & Smith, 2012; Sullivan, 2005). Kerangka hermeneutik IPA membolehkan pengkaji mentafsir maklum balas peserta secara mendalam, serta memahami hubungan antara pengalaman, emosi dan pemikiran mereka. Justeru, penglibatan aktif peserta dan peranan pengkaji dalam proses interpretatif menjadi asas kepada pembentukan naratif dan penemuan kajian (Pietkiewicz & Smith, 2012).


## 2 KADEAH TEMU BUAL DALAM *INTERPRETATIVE PHENOMENOLOGICAL ANALYSIS (IPA)*

Temu bual merupakan salah satu kaedah penyelidikan fenomenologi, bagi memahami refleksi peribadi individu melalui pengalaman yang diperoleh daripada pemerhatian dan tafsiran. Pendekatan hermeneutik yang digunakan dalam tafsiran data temu bual melibatkan proses tafsiran berganda, di mana peserta mentafsir pengalaman mereka sendiri, manakala pengkaji pula menafsir semula pengalaman tersebut bagi mengenal pasti maknanya secara lebih meluas (Pietkiewicz & Smith, 2012, hlm. 362). Dalam hal ini, *Interpretative Phenomenological Analysis (IPA)* berfungsi sebagai panduan yang sesuai, ia membolehkan pengkaji menggabungkan pemahaman dan pandangan secara interpretatif dalam meneroka pengalaman peserta (Smith 2024). Kaedah temu bual dalam IPA membuka ruang untuk memahami pengalaman hidup peserta secara terperinci (Pietkiewicz & Smith, 2012; Alase, 2017, hlm. 11).

Tambahan pula, menurut Pietkiewicz dan Smith (2012), tiada ketetapan khusus mengenai bilangan peserta dalam kajian fenomenologi, kerana pendekatan ini bergantung kepada lima faktor: (1) kedalaman analisis, (2) kekayaan data setiap individu, (3) kreativiti penyelidik dalam membandingkan kes, (4) batasan praktikal, serta (5) kekangan masa dan akses kepada peserta. Justeru itu, fokus utama kajian ini bukanlah pada kuantiti peserta, tetapi pada kualiti dan kedalaman pemahaman terhadap pengalaman yang dikaji.

Bagi melaksanakan kaedah IPA, temu bual separa berstruktur digunakan bagi membentuk naratif peribadi setiap peserta. Ini membolehkan peserta berkongsi pengalaman hidup secara mendalam (Smith, 2016). IPA menekankan hubungan peribadi peserta terhadap pengalaman yang dikaji, dengan maklum balas mereka menjadi sumber utama pengetahuan serta memberikan manfaat timbal balik kepada kedua-dua pihak, iaitu pengkaji dan peserta. Kajian ini melibatkan lima data peserta, selaras dengan pandangan Sheard dan Davidson (2023), yang menyatakan bahawa bilangan tersebut mencukupi untuk menghasilkan analisis fenomenologikal yang kaya dan mendalam (hlm. 102).

Dalam usaha memperoleh naratif IPA, Rajah 1 menunjukkan kerangka kitaran hermeneutik sebagai panduan utama dalam proses pengumpulan data. Kitaran ini menekankan proses tafsiran dua hala yang melibatkan pengalaman peserta dan pengkaji, seterusnya memperkuuh kefahaman terhadap pengalaman yang dikongsikan secara reflektif.



**Rajah 1** Kerangka kitaran hermeneutik dalam mendapatkan narrative dari kaedah IPA,  
Adaptasi dari Panduan Praktikal Menggunakan *Interpretative Phenomenological Analysis*  
dalam Penyelidikan Kualitatif Psikologi oleh Pietkiewicz dan Smith (2012, hlm. 368)

Menurut Pietkiewicz dan Smith (2012, hlm. 365), soalan temu bual dalam kajian fenomenologi perlu bersifat terbuka dan fleksibel agar peserta dapat berkongsi pengalaman secara bebas. Soalan harus tertumpu kepada deria, ingatan, perasaan, atau fantasi, dan dibantu dengan panduan serta *prompts* (Jadual 1), untuk memudahkan peserta memberi jawapan yang lebih mendalam. Contoh dibawah menunjukkan kaedah soalan temu bual dalam IPA:

**Jadual 1 Contoh soalan temu bual dan petunjuk (*prompt*) dalam kajian IPA****Soalan Berkaitan Minat (Karya Seni)**

1. Saya berminat untuk mengetahui kesedaran anda dalam penghasilan karya seni yang mencerminkan identiti budaya melalui seni kontemporari. Adakah anda merasakan bahawa karya-karya ini membolehkan pengalaman mitologi Melayu melalui pendedahan digital dan media baru?

**Petunjuk (Prompt):** *Adakah karya yang dihasilkan menepati ciri-ciri seni kontemporari dari sudut pandang budaya?*

## 2.1 PERSAMPELAN BERTUJUAN (PURPOSIVE SAMPLING)

Kajian ini melibatkan temu bual dengan lima pakar rujuk dalam bidang seperti bidang seni halus yang dipilih secara bertujuan (*purposive*). Pemilihan peserta turut melalui proses saringan awal dimana ia melibatkan beberapa pakar dalam bidang seni halus dan seni media. Kaedah kualitatif digunakan dengan saiz sampel yang kecil yang sesuai bagi kajian berdasarkan pengalaman. Data temu bual dianalisa secara bertema (*thematic*) untuk mengenal pasti tema dan sub-tema sebagai dapatan, disokong oleh bukti daripada transkrip peserta.

Pendekatan pensampelan bertujuan ini merujuk kepada Friday dan Leah (2024) yang menekankan, pengkaji perlu mempertimbangkan kesesuaian peserta dengan kerangka epistemologi kajian. Pemilihan juga melibatkan pemikiran reflektif dari sudut ontologi agar seiring dengan hala tuju penyelidikan yang dijalankan. Smith (2024) turut menyatakan bahawa pensampelan bertujuan lazim digunakan dalam kajian IPA yang bersaiz kecil dan mendalam. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan pensampelan kemudahan, iaitu memilih peserta yang relevan, mudah diakses, dan mempunyai pengetahuan serta pengalaman yang luas dalam bidang. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang lebih bermakna serta menumpukan kajian secara kontekstual terhadap pengalaman peserta.

## 3 DAPATAN DATA TEMU BUAL MENGIKUT KAEADAH IPA

Kajian ini melibatkan lima peserta (empat lelaki dan seorang wanita) dari Malaysia dan Indonesia. Pemilihan peserta berdasarkan kepakaran mereka dalam bidang seni kontemporari dengan pengalaman antara 10 hingga 30 tahun. Jadual 2 menunjukkan maklumat peserta dan terlibat secara sukarela. Maklum balas mereka dirakam dengan memberi jaminan kerahsiaan melalui menyembunyikan identiti peserta. Sesi temu bual dijalankan secara dalam talian (*Google Meet, Microsoft Teams*) dan secara bersemuka. Pengumpulan data menggunakan dua peranti (komputer dan telefon pintar) untuk memastikan kualiti rakaman yang terbaik. Selepas membuat transkrip dari temu bual, pengkaji menyediakan nota penerokaan (*exploratory notes*), yang melibatkan pembacaan berulang untuk membina kefahaman mendalam dan memberi makna yang lebih jelas. (Smith, 2024).

**Jadual 2 Maklumat Demografik Peserta**

Peserta	Umur	Jantina	Warganegara	Bahasa Utama	Pekerjaan/Kepakaran
Peserta A	45	Lelaki	Malaysia	Bahasa Inggeris	Pensyarah/ Pengkaji/ Kurator/ Seniman
Peserta B	57	Lelaki	Malaysia	Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	Pensyarah/ Pengkaji/ Kurator/ Seniman
Peserta C	50	Lelaki	Indonesia	Bahasa Indonesia/ Bahasa Inggeris	Pensyarah/ Pengkaji/ Seniman
Peserta D	40	Wanita	Indonesia	Bahasa Indonesia/ Bahasa Inggeris	Pensyarah/ Pengkaji
Peserta E	42	Lelaki	Malaysia	Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	Pensyarah/ Pengkaji/ Seniman

**Jadual 3** Contoh data peserta daripada transcript asal dan nota penerokaan (exploratory notes)

Peserta	Transcript Asal	Nota Penerokaan (Exploratory Notes) (ditulis dalam Bahasa Inggeris)
Peserta A	<p><i>"Ok. So, the first thing I want to address is the connection between contemporary art and cultural sphere. Now, as far as I understand Malaysian contemporary art, .... it plays on satire; it plays on political commentary. Right? But these things are addressed, to, audience that abide.... by the logics of art world. So what does that mean? So I give you a concrete example lah." (30.440-444)</i></p>	<p><i>"The first thing I want to address is the connection between contemporary art and the cultural sphere. Malaysian contemporary art often involves satire and political commentary. These elements are directed at an audience that follows the logics of the art world."</i></p>
Peserta B	<p><i>"Emm tak minat.. Saya tak minat dengan karya. Nanti dulu, itu kemudian.. Emm. Biasa lah uitm ni dia karya datang dulu. Visual datang dulu, saya nak tau visual dalam kepala kau. Bukan visual yang atas kanvas tu. Kannn.. Sebab saya tak minat dengan.. visual atas kanvas itu kesan." (15. 338-350)</i></p>	<p><i>"I'm not interested in artwork right now; that comes later. At UiTM, artwork usually comes first, visuals come first. I want to know the visual in your mind, not the one on the canvas. Because I'm not interested in the visual on the canvas; that's just an effect."</i></p>
Peserta C	<p><i>Problematic yang juga saya dihadapi dari uhh... mahasiswa atau seniman ya.. yang menggunakan New Media yang dikaitkan dengan err budaya, (5.71)</i></p>	<p><i>"Issues faced: Students or artists using New Media. Connection to culture."</i></p>
Peserta D	<p><i>"A ah .. kalo..dalam kontek kontemporer, iya.. iyya.. uhhm.. kita bisa berdebat soal seni moderan kita kan.. Iya? Iya. iya boleh ehehehehe ... kita bisa berdebat soal seni moderan kita kan apakah seni moderan kita, sepenuhnya barat atau seni moderan kita sepenuhnya timur, kita bisa berdebat.. tapi kalo kita bicara si kontemporer.. uhh itu!.. itu semuanya boleh kan.. uhh justeru, kita kemudian.. umm.. kita b.., kita gak bisa contempo kaya posmo yang menolak semua.. uh manifestasi moderan ya ... tapi kontempo kan merayakan semuanya ya .. kita meraya, kita bisa aja merayakan painting sebagai bagian dari budaya kesual kita" (6. 107)</i></p>	<p><i>"In the context of contemporary art, there is room for debate about modern art. We can question whether our modern art is entirely Western or entirely Eastern. Contemporary art, however, allows for everything. Unlike postmodernism, which rejects all modern manifestations, contemporary art celebrates all forms. It embraces painting as part of cultural heritage."</i></p>
Peserta E	<p><i>Ok...sebenarnya lah, macam, mybe dia berkait rapat dengan..err aku punya.. persepsi mengenai.. aa warisan ni sebenarnya.. heritage..so... uhumm aku punya idea of heritage ni, dia harus di..tambah. macam memori lah? Ahh macam.. memori, memori,.. aaa kadang kadang..bila kita,... ingat.. err kita pergi jalan dengan bapak kita makan aiskrim</i></p>	<p><i>"Actually, maybe it's closely related to my perception of heritage. My idea of heritage is that it should be added to, like memory. Like memories, ... sometimes when we remember,... For example, going out with our dad to eat ice cream as a kid. That memory feels so real."</i></p>

---

*masa kecik... Uhumm Macam memori tu  
real gila lah? (15.253-257)*

---


Transkrip asal dianalisis dengan meletakkan penanda seperti (5.71) yang merujuk kepada muka surat 5, baris 71, bagi mengenal pasti isi penting. Proses ini dibantu oleh nota penerokaan (*Exploratory Notes*) seperti ditunjukkan dalam Jadual 3, dan seterusnya dipindahkan ke perisian NVivo (Rajah 2) untuk menyusun pernyataan pengalaman secara kronologi dan teratur, seterusnya ia menghasilkan senarai pernyataan pengalaman (*list of experiential statement*) dalam Jadual 4. Menurut Smith (2024), data ini perlu disusun secara berkelompok bagi mengenal pasti hubungan dan pola, ia memerlukan pembacaan berulang transkrip secara teliti memandangkan temu bual bersifat terbuka dan tidak berurutan. Maka, pernyataan pengalaman disusun berdasarkan isu utama dan pemahaman konteks mendalam, dengan mempertimbangkan perasaan dan emosi peserta yang mempengaruhi penilaian keseluruhan kajian.

**Jadual 4 Contoh senarai pernyataan pengalaman (*list of experiential statement*) dari setiap peserta**

<b>Peserta A</b>	<b>Peserta B</b>	<b>Peserta C</b>	<b>Peserta D</b>	<b>Peserta E</b>
1. <u>Reflektif-</u> Seni kontemporari yang berkait dengan budaya	1. <u>Tidak berminat-</u> Terhadap karya seni	1. Kritikan-Media baru merakam inti tanpa meringkas	1. <u>Fleksibiliti-</u> Perdebatan seni kontemporari	1. <u>Berfikir-</u> Memori nostalgia
2. <u>Kritikan-</u> Sindiran dan komentar politik dalam seni Malaysia	2. <u>Ingin tahu-</u> Idea dalam fikiran	2. <u>Ragu-ragu-</u> Kesan daripada ringkasan intipati media baru		2. <u>Prihatin-</u> Pemeliharaan warisan
				3. <u>Pemerhatian-</u> Pandangan terhadap warisan

Daripada senarai pernyataan pengalaman (*list of experiential statement*) peserta, pengkaji membina Tema Pengalaman Peribadi (*Personal Experiential Themes*- PETS) seperti dalam Jadual 5, disusun secara kelompok dan diberi nama kumpulan tema bagi memudahkan analisa. PETS penting dalam IPA kerana ia mengekalkan ketulenan data melalui penanda (*identifier*), yang menjelaki kedudukan dalam transkrip serta menunjukkan emosi, pemikiran, dan refleksi peserta. Seterusnya, analisa diteruskan dengan membentuk Tema Pengalaman Berkumpulan (*Group Experiential Themes*- GETS) seperti dalam Jadual 6, iaitu proses pengelompokan semula berdasarkan keutamaan, dengan pengkaji membuat pemilihan tema secara teliti. Tema yang tidak signifikan digugurkan, manakala tema yang berkait digabungkan atau diasingkan dalam kategori tertentu sebagai satu tema yang baru. Pernyataan pengalaman ditulis berdasarkan emosi peserta di awal ayat seperti berikut;

“Kritikan- Sindiran dan komentar politik dalam seni Malaysia”



Rajah 2 Pernyataan pengalaman (*experiential statement*) dari perisian NVivo

#### Jadual 5 Analisa Personal Experiential Themes (PETS)

##### Pengelompokan Pernyataan Pengalaman (*Clustering of Experiential Statement*)

##### Penanda (*Identifier*) daripada Transkrip Asal

##### Peserta A

##### Media Baru, Teknologi & Seni Kontemporari (*New Media, Technology & Contemporary Art*).

1. Berfikir- Penciptaan imej secara partisipatif (*Thoughtful - Participatory image-making*) 'consider & think', 'anybody can', 'not artist', 'artist' (44.580), (49.628), (50.632), (50.634)

##### Peserta B

##### Diri, Identiti dan Refleksi (Self, Identity and Reflection)

1. Reflektif- Kepentingan penemuan diri (*Reflective- Importance of self-discovery*) 'mengenal diri' (6.116), (6.118), (6.122), (10.206), (10.208)

##### Peserta C

##### Media Baru, Teknologi & Seni Kontemporari (*New Media, Technology & Contemporary Art*).

1. Pemerhatian- Kritikan seni moden (*Observed- Modern art criticized*) 'contemporary art', 'sudah dikomplain nampaknya', (4.63), (4.65)
2. Berfikir- Menjelaskan seni video (*Thoughtful- Clarified video art*) 'kalau new media itu', 'saya pernah ngobrol' (5.67)

##### Peserta D

##### Media Baru, Teknologi & Seni Kontemporari (*New Media, Technology & Contemporary Art*).

1. Yakin- Seni halus yang berbeza (*Confident- Distinctive fine art*) 'tapi saya yakin', 'Ada common denominator ya' (5.77), (5.79)
2. Reflektif- Dadaisme menggunakan teknologi sebagai medium (*Reflective-Dadaism uses technology as medium*) 'di Dada, menggunakan teknologi' (8.128)

**Peserta E**

**Media Baru, Teknologi & Seni Kontemporari**  
*(New Media, Technology & Contemporary Art).*

1. Reflektif- Media sebagai pelanjutan keupayaan manusia (*Reflective- Media as an extension of human capability*) *media baru’, ‘Aku rasa, kalau cakap pasal,...media eh?’*, ‘*media extension of work tak silap aku lah’, ‘Duchamp’* (18.308), (18.310), (18.312), (18.314), (18.316), (19.334)

**Jadual 6 Tema Pengalaman Berkumpulan Group Experiential Themes (GETS)**

**Jadual Kumpulan Tema Pengalaman Table of Group Experiential Themes (GETS)**

Tema	Peserta A	Peserta B	Peserta C	Peserta D	Peserta E
Reflektif - Media baru dalam konteks seni halus ( <i>Reflective-New media in fine art context</i> )	(44.580), (49.628), (50.634)	Tidak dinyatakan ( <i>not specified</i> )	(4.63), (4.65), (5.67)	(5.77), (5.79), (8.128)	(18.308), (18.310), (18.312), (18.314), (18.316), (19.334)

Dapatan GETS akhirnya merujuk semula kepada Rajah 1, di mana ia perlu diuraikan dalam bentuk penulisan naratif. Dalam hal ini, pengkaji berperanan sebagai pentafsir dengan meletakkan diri berdasarkan kesedaran fenomenologi mengikut kaedah hermeneutik. Dapatan akhir perlu menggariskan makna keseluruhan daripada pengalaman para peserta, merangkumi hujahan, huraihan, ilustrasi dengan pemakaian yang berlapis. (Smith, 2024). Berikut adalah penulisan akhir dari dapatan GETS;

**Media baharu Dalam Konteks Seni Halus**

*Tema ini berasaskan karya seni halus, di mana saya mengumpul maklum balas daripada peserta. Karya yang ditunjukkan melibatkan lukisan animasi, yang mengekalkan asas lukisan, namun ia boleh dianggap sebagai media baru. Ia bertolak dari maklum balas peserta, yang memberikan pandangan mendalam mengenai animasi dan media baharu. Peserta A menekankan bahawa media baharu harus dipertimbangkan dalam seni halus dan perlu dikemas kini daripada model modenisme yang sudah lapuk, merujuk perkembangan pesat media baru kini membolehkan sesiapa sahaja menghasilkan imej.*

*“Yes. That's why these things are actually, that's why I feel these things cause confusion because we are following a very old model lah, a very modernist model. I think modernist model is becoming very obsolete quickly” (44.580)*

*Saya bersetuju dengan pandangan Peserta A, terutamanya dengan kemunculan kecerdasan buatan (AI) pada hari ini, yang mampu mencipta pelbagai interpretasi imej hanya melalui arahan teks (prompts). AI kini sangat maju dalam memahami emosi manusia dan menghasilkan imej, yang menunjukkan bagaimana teknologi mengubah cara fikir manusia dalam penciptaan imej. Sebagai seorang seniman, penting untuk mempertimbangkan semula kedudukan diri agar terus relevan dalam landskap seni yang sentiasa berubah.*

*“this image is what liberates people how people participate in this image making. Anybody can now create image.” (49.628)*

*“artists need to reconsider his position what is it that you do within this realm ah.” (50.634)*

*Peserta B tidak memberikan maklum balas dalam penilaian karya saya. Sebaliknya, Peserta C menyatakan bahawa karya saya dalam fasa pertama kekurangan ‘spesies’ yang jelas, menjadikannya sukar dikategorikan dalam seni halus tradisional. Namun, dalam media baru, karya*

---

*ini boleh mewakili aspek genetik media baru. Peserta C juga menegaskan bahawa seni kontemporari perlu dikritik dalam konteks yang tetap, serta menyatakan bahawa karya seni moden, seperti lukisan ayam dengan matahari terbenam atau landskap, tidak lagi dianggap baru dan tertakluk kepada kritikan.*

*Peserta D pula menekankan pemalar dalam amalan seni halus yang seharusnya dilihat dalam konteks kedaerahan lokal, seperti kebijaksanaan tempatan di Indonesia yang mempengaruhi seni dan karya agung tradisi.*

*“Ada common denominator ya diantara semua praktik kita gitu tapi kalo di Indonesia sendiri umm..tch.. kita tuh gak..gak.. kita tuh sebenarnya..gak..gak .. bukan..di..dimana ya .. kita tuh punya selah seni sendiri kan..seni..rupa atau seni halus yang kita ada situ kan dari fine art ya .. tapi sebetulnya..uhh kita punya satu seni kita sendiri kan misalnya.. kaya sada kagungan..” (5.79)*

*Peserta E menyatakan bahawa seni yang sesuai memberi konteks kepada seni halus, seperti wayang kulit yang menggabungkan makna sejarah dan kontemporari. Beliau juga merujuk kepada konsep Duchamp mengenai media sebagai lanjutan, yang mempermudah kehidupan, memberi contoh bagaimana cermin mata berkembang menjadi kanta lekap, mencerminkan kemajuan teknologi dan media sebagai perantara pengalaman manusia.*

---

*“Kita pergi balik kepada,... ke Duchamp punya idea of err media extension of work tak silap aku lah eh, dia simple je. Dia macam, kau ada masalah rabun, pakai spek kan?. Spek dulu besar kot. And then bila spek dulu macam-macam lah dulu en teknologi dia rendah ah?. So later on dia study jap err spek tu dia jadi err slick ah. Lagi selesa,.dia lagi.. dia lebih manusia. Dia akan, dia akan kembali menjadi manusia. Dia makin kecil, dia jadi contact lens. Dia akan jadi makin kecil lah taktau lah nanti akan ada implant, dalam retina ke apa. Haa so kita cakap pasal teknologi as an extension of men eh” (18.314)*

---

## 4 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kaedah temu bual dalam kajian ini selaras dengan pendekatan IPA, yang menekankan pengalaman peribadi peserta dalam pembentukan naratif bermakna. Maklum balas peserta penting untuk keberkesanan pendekatan ini, menjadikan temu bual sebagai ruang interaksi dan interpretatif. Pemilihan lima peserta mencukupi untuk analisis mendalam kepada naratif fenomenologikal, sementara kerangka kitaran hermeneutik membimbing proses pengumpulan data, menekankan tafsiran dua hala antara penyelidik dan peserta yang membentuk pemaknaan secara fenomenalogi.

## PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada lima peserta dalam menjayakan temu bual dan memberi sumbangan kepada dapatan kajian. Setinggi-tinggi perhargaan kepada penyelia utama dan Universiti Teknologi MARA dalam memberikan kerjasama dan bimbingan. Kajian ini dijalankan di bawah UiTM dengan kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan UiTM (REC), untuk keterlibatan peserta dalam menjayakan temu bual.

## PEMBIAYAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh geran penyelidikan dari mana-mana pihak.

## SUMBANGAN PENULIS

Penulis artikel ini menyumbang dalam pencarian data, kajian literatur, kaedah dan penelitian, dapatan serta penulisan manuskrip secara sama-rata.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengistiharkan bahawa kajian ini tiada konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan dan penerbitan.

## RUJUKAN

- Alase, A. (2017). The interpretative Phenomenological Analysis (IPA): A Guide to A Good Qualitative Research Approach. *International Journal of Education & Literacy Studies (IJELS)*, 5(2), 9-19. <http://dx.doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.5n.2p.9>
- Cann, K.R. (2015). Form and Being: An analysis of the Experience of Dancing Linked Chain and Round Dances. Phd Theses, School of Art, University of Surrey.
- Friday, N. and Leah, N. (2024). Type of Purposive Sampling Techniques with Their Example and Application in Qualitative Research Studies. *British Journal of Multidisciplinary and Advanced Studies: English Lang., Teaching, Literature, Linguistics & Communication*, 5(1), 90-99.
- Fuster, D. (2019). Qualitative Research: Hermeneutical Phenomenological Method. *Propósitos y Representaciones*, 7(1), 201-229. Doi: <http://dx.doi.org/10.20511/pyr2019.v7n1.267>
- Käufer, S. And Chemaro, A. (2021). *Phenomenology an Introduction*. Polity Press. UK
- Pietkiewicz, I. & Smith, J.A. (2012) A practical guide to using Interpretative Phenomenological Analysis in qualitative research psychology. *Czasopismo Psychologiczne (Psychological Journal)*, 18(2), 361-369.
- Sheard, R. and Davidson, A. (2023) Sustained practice of Qigong results in a somatic hermeneutic process, contributing to appreciation of life. An interpretative phenomenological analysis. *Journal of Bodywork & Movement Therapies* 36 (2023) 100–108, DOI: <https://doi.org/10.1016/j.jbmt.2023.06.002>
- Sullivan, G. (2005). *Art Practise as Research: Inquiry in The Visual Arts*. Sage Publications. UK
- Smith, J.A. (2024) *Qualitative Psychology: A Practical Guide to Research Methods*. Sage Publications. UK
- van Menen, M. (2016) *Researching Lived Experiences: Human science for an Action Sensitive Padagogy*. Routledge. USA